

Gerakan Dinar Emas Islam di Malaysia

Oleh Khalid Noorshah

Angkatan di Perbatasan

Gerakan dinar emas dan dirham perak Islam di Malaysia telah mula-mula disemai oleh ahli-ahli Murabitun pada pertengahan tahun 1980-an. Ahli-ahli Murabitun ialah murid-murid Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi, syeikh tarikat Shadilliya-Darqawwiah dan tarikat Mehlevi.

Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi ialah pengasas Pergerakan Murabitun Sedunia dan program Murabitun ialah untuk mendirikan semula tiang zakat, mengembalikan semula penggunaan dinar emas dan dirham perak; mengembalikan semula khalifah; Amal Ahl al-Madinah; parasatuan dan wakaf.

ia merupakan pergerakan pasca moden pertama yang menyatukan semua umat Islam bertujuan untuk menegakkan Islam hari ini. Simbol politik Murabitun ialah dinar emas Islam yang mewakili keruntuhan nasionalisme, kenegaraan, parti-parti politik serta perwakilan politik dan yang lebih utama ialah, ia menandakan berakhirnya kepatuhan kepada tataekonomi masa kini.¹

Cahaya Yang Memimpin

Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi selalu menekankan, sesebuah masyarakat Islam yang merdeka hanya boleh didirikan melalui penolakan sistem kewangan berasaskan riba dan institusi-institusi yang berkaitan dengannya.²

Beliau menyedari bahawa dalam zaman ini, debu-debu riba sudahpun bertaburan ke semua lingkungan hidup manusia dan bahawa, modenisme berfungsi hanya sebagai perhubungan awam kepada kapitalisme yang berasaskan riba.³

Beliau mengenalpasti riba sebagai urusan yang paling tidak adil yang dibenarkan dalam negara-negara demokratik liberal.⁴ Beliau menamakannya *ur-phenomenon* kepada malapetaka global iaitu, jenayah riba – penyakit yang bertanggungjawab dan menjadi penyebab kepada kebuluran, kekucarkaciran ekologi dan neurosis nuklear.⁵

Kaedah analitik Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi membolehkan kita menerangkan kejadian ekonomi dan politik masa kini yang tidak boleh diterangkan secara berkesan oleh teori pasaran bebas kapitalis, mahupun oleh Marxisme ataupun teori negara kebajikan dan tidak juga oleh teori-teori tradisional yang berkaitan dengan pembangunan Dunia Ketiga.

Model masyarakat moden ialah ribakrasi yang berselindung di belakang demokrasi liberal. Kebangkitan demokrasi dan ribakrasi berlaku serentak dan seiringan.⁶

Penerbitan buku bertajuk *Usury the Root Cause of The Injustices of Our Time*⁷ (Riba Akar Kepada Ketidakadilan Masa Kini) pada tahun 1989 menandakan permulaan usaha murid-murid

¹ Riyad Asvat, *The Political Philosophy of Shaykh Abdalqadir as-Sufi*, 1999, Madina Press Melbourne. MS 5.

² Farush Khan, Famous Muslim scholar Shaykh Abdalqadir as-Sufi in KL for two weeks, July 30, 2001, New Straits Times (NST).

³ Shaykh Abdalqadir as-Sufi, *The Epoch of the Young Ottomans*, 1996, Madina Press, Muir of Ord. MS 5

⁴ Shaykh Abdalqadir as-Sufi, *For the Coming Man*, 1988, Murabitun Press, Norwich. MS 1

⁵ Shaykh Abdalqadir as-Sufi, *For the Coming Man*, 1988, Murabitun Press, Norwich. MS 6

⁶ Riyad Asvat, *The Political Philosophy of Shaykh Abdalqadir as-Sufi*, 1999, Madina Press, Melbourne. MS. 8

⁷ *People Against Interest Debt*, PAID Publication, 1989, Madinah Press, Granada.

Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi untuk membawa perkara itu kepada perhatian kedua-dua masyarakat Islam dan bukan Islam untuk tindakan.

Buku tersebut mengandungi kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan di satu seminar yang diadakan di Norwich, England pada tahun 1987. Ia memeriksa rupa bentuk riba dan pelbagai amalannya, lalu menyimpulkan bahawa tersemat amalan riba dalam sistem perbankan, kewangan dan perniagaan masa kini sehingga ia membawa kemusnahan kepada dunia dan penduduknya.

Ia juga memeriksa sifat dan peranan wang kertas iaitu wang fiat sebagai motor riba dalam Kapitalisme Barat. Wang kertas digunakan sebagai alat penindasan dan perhambaan terhadap negara-negara membangun yang terpaksa menerima kehendak pasaran dan perundangan antarabangsa yang memaksakan penggunaan wang kertas dollar Amerika Syarikat sebagai wang untuk perdagangan antarabangsa di mana negara-negara membangun menukarkan barangan yang bernilai dan berharga dengan wang kertas yang tiada nilai daripada negara-negara maju. .

Walaupun ahli-ahli Murabitun memahami keadaan sosio-politik-ekonomi masa ini tetapi masih perlu seorang alim untuk menunjukkan kepada mereka cara-cara untuk mengatasi masalah yang sangat membebaskan ini.

Umar Ibrahim Vadillo telah ditunjuk oleh Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi sebagai orang yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan untuk membawa kembali muamalat menurut syariah Islam. Beliau telah dilantik sebagai ketua atau Rais kepada Pergerakan Murabitun Sedunia dan beliau ditaati oleh semua murid Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi dalam semua perkara berkaitan muamalat Islam.

Semenjak tahun 1980-an sehingga sekarang, beliau sering berulang-alik ke Malaysia dan Indonesia kerana ini adalah dua tempat di mana terdapat kesempatan yang luas muamalat boleh didirikan semula, lebih-lebih lagi, dalam tempoh berkenaan Murabitun di Malaysia sangat aktif menggerakkan pengembalian dinar emas dan dirham perak diikuti oleh Murabitun Indonesia.

Penerbitan serentak dua buku, *The Return of the Khalifate*⁸ (Kembalinya Kekhalifahan) oleh Shaykh Abdalqadir as-Sufi dan *The Return of the Gold Dinar*⁹ (Kembalinya Dinar Emas) oleh Umar Ibrahim Vadillo merupakan dua dokumen penting yang menggariskan hala tuju gerakan dinar emas. Buku yang pertama menekankan akan kepentingan kepemimpinan dalam Islam dan keperluan mengembalikannya semula manakala buku yang kedua menunjukkan bagaimana muamalat boleh didirikan semula dengan memperkenalkan aspek-aspek penting dalam program pelaksanaannya.

Peringkat Awal

Murabitun di Malaysia menggalakkan penggunaan dinar emas dan dirham perak sebagai matawang pilihan di samping memperincikan sifat sistem ekonomi semasa bukan sahaja kepada rakan-rakan dan taulan tetapi juga kepada sesiapa sahaja yang mereka temui termasuklah para pengamal perbankan dan kewangan Islam tetapi tidak mendapat sambutan malah dipandang dingin.

Walaupun pada ketika itu, dinar emas dan dirham perak belum berada di dalam tangan mereka, ahli-ahli Murabitun terus menerus mempromosikan dinar emas dan dirham perak sebagai matawang dwi-logam masa hadapan bagi menggantikan wang kertas.

Sesetengah ulasan yang saya terima ialah, syiling-syiling emas itu mengingatkan kepada filem Allahyarham P.Ramlee, *Ali Baba Bujang Lapuk* dan dengan itu tidak dipandang serius. Ada juga komen yang menyatakan bahawa dunia sedang menuju ke arah wang plastik seperti kad kredit, kad caj, kad debit dan lain-lain maka memperkenalkan matawang dwi-logam ialah seperti kembali ke Zaman Pertengahan.

Walaupun begitu, terdapat juga sesetengah pihak yang mengakui kepentingan matawang dwi-logam itu untuk menghapuskan riba dan amalan-amalan riba, penindasan dan memperbetulkan ketidakadilan di pasar-pasar dan dalam bermuamalat, tetapi pada masa yang sama mereka

⁸ Shaykh Abdalqadir as-Sufi, 1996, Madinah Press, Capetown, South Africa.

⁹ Umar Ibrahim Vadillo, 1996, Madinah Press, Capetown, South Afrika

merasakan bahawa jenis matawang tidak penting tetapi yang lebih penting ialah etika yang betul dan pemantauan sifat tamak haloba melalui amalan terbaik dan piagam kelakuan terbaik.

Maklumbalas yang negatif daripada orang awam dan daripada mereka yang terlatih dan berpengetahuan dalam sistem ekonomi, perbankan dan kewangan semasa boleh difahami kerana gagasan yang ingin dibawa nampak seolah-olah tidak masuk akal dan tidak pernah dibuat orang kerana emas dan perak sudah lama ditolak sebagai mata wang – bukan kerana ia tidak praktikal, tetapi akibat disogok saban masa dengan prinsip ekonomi Kapitalisme Barat ditambah dengan, didikan dan amalan yang sudah terpahat seolah-olah ia tidak boleh diubah-ubah lagi. Di samping itu penggunaan semula emas dan perak sebagai matawang telah berkurun lamanya diwar-warkan sebagai menyusahkan. Berlatarbelakangkan kefahaman sedemikian, penggunaan dinar emas dan dirham perak dilihat sebagai satu gagasan yang hampir mustahil dilaksanakan tetapi pada masa yang sama ia merupakan satu gagasan yang teramat radikal tetapi bukan pula satu perkara baru.

Profesor Madya Dr. Hakimi Ibrahim¹⁰ pernah memberitahu saya bahawa mengembalikan dinar emas dan dirham perak ialah satu tindakan *back to the future* (pulang ke masa hadapan).

Pada tahun 1992, masyarakat Islam Granada, Sepanyol yang terdiri daripada murid-murid Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi di bawah penyeliaan World Islamic Mint (WIM), menempa dinar emas pertama pada zaman pasca moden ini mengikut piawaian Umar al-Khattab, khalifah Islam ke-dua. Menurut piawaian itu, dinar ialah syiling emas seberat 4.25 gram dengan ketulinan .916 manakala dirham ialah syiling perak seberat 2.975 gram. Piawaian ini yang diikuti oleh WIM, turut digunapakai oleh World Islamic Trading Organisation (WITO).¹¹

Murabitun di Malaysia hanya memperolehi syiling-syiling dinar emas dan dirham perak pada sekitar tahun 1995. Syiling-syiling itu ditempa oleh WIM dan dibawa masuk dari Dubai. Semenjak itu, dinar emas dan dirham perak berubah daripada teori kepada realiti.

Untuk memperluaskan penggunaan dinar emas dan dirham perak, kedua-dua matawang dwi-logam itu turut dipromosikan sebagai simpanan, kerana mempunyai nilai tersendiri, sebagai mahar atau mas kahwin memandangkan ia merupakan satu tradisi masyarakat orang Islam, membayar zakat atas dasar ia merupakan perantaraan pembayaran zakat yang betul dan juga sebagai hadiah.

Pada masa itu, gerakan dinar emas mendapat sokongan hanya daripada sebilangan kecil orang ramai iaitu daripada kalangan mereka yang serta merta memahami apakah maksud sebenar dinar emas dan dirham perak iaitu, untuk menjadi bebas daripada perhambaan jaringan perbankan dan kewangan yang dipelopori oleh sistem riba Kapitalisme Barat dan juga untuk bebas daripada wang kertas yang riba sifatnya; untuk menghindarkan diri daripada spekulasi dan manipulasi penyangak matawang antarabangsa; kebebasan daripada orang kafir dan penindasan daripada negara-negara maju serta muslihat dan tipu daya terutamanya oleh negara-negara adi-kuasa terutamanya Amerika Syarikat, lebih-lebih lagi kerana dollar Amerika Syarikat dianggap sebagai matawang perdagangan antarabangsa dan dalam hal minyak – matawang yang dipaksakan kegunaannya, tetapi yang lebih penting ialah ia adalah seruan untuk patuh kepada perintah Allah di mana Allah dan Rasul-Nya telah mengisytiharkan perang ke atas mereka yang terlibat dalam riba.¹²

Malangnya, golongan yang amat diharapkan iaitu mereka yang berada dalam kelompok perbankan dan kewangan Islam masih ragu-ragu, malah melihat perkembangan dinar emas dan dirham perak mengancam kelangsungan perbankan Islam yang kini sudah diterima ramai dan popular di kalangan orang Islam dan juga bukan Islam kerana gambaran yang diberikan kepada orang Islam ialah perbankan dan kewangan Islam dilaksanakan patuh syariah. Ia mempromosi perbankan tanpa faedah yang membawa maksud tidak ada unsur riba dan tiada amalan riba, sekaligus menjadikannya perbankan halal.

¹⁰ Profesor Madya Dr. Mahamad Hakimi Ibrahim, pensyarah di Universiti Sains Malaysia.

¹¹ Umar Ibrahim Vadillo, *The Return of The Gold Dinar*, 1996, Madinah Press, Cape Town. MS 90.

¹² Quran, Al-Baqarah Ayat 297.

Perkara yang sama boleh dikatakan terhadap para pemimpin yang berkuasa dan juga terhadap para ulama masa kini yang sehingga sekarang tidak didedahkan mahupun dilatih dan dididik secara amali mengenai muamalat dan amalan-amalan mengenai muamalat maka atas sebab itu, apabila persoalan mengenai dinar emas dan dirham perak diajukan kepada mereka, mereka tergapai-gapai dan menjadi tidak yakin kepadanya.

Walaupun begitu, terdapat seorang sarjana yang terkenal, Shaikh Imran Nasir Hosein yang sering berceramah dan menulis mengenai riba dan kelemahan sistem perbankan dan kewangan masa kini dan juga muslihat wang kertas¹³. Beliau turut menyokong dinar emas dan dirham perak yang dinyatakannya dengan terang dan jelas dalam ceramah-ceramah dan buku-bukunya. Sesetengah pengikut dan murid beliau turut menjadi penggiat dinar emas dan menjadi sebahagian daripada penyokong dan pengiat gerakan dinar emas di Malaysia.

Saat Kesedaran

Krisis kewangan Asia Timur pada tahun 1997 menandakan satu lagi fasa dalam gerakan dinar emas di Malaysia. Ia membuka peluang kepada para penggiat dinar emas untuk mentarbiahkan lebih ramai orang mengenai kefahaman mereka terhadap sistem riba perbankan dan kewangan serta kelemahan Kapitalisme Barat di samping mempromosikan dinar emas sebagai matawang umat Islam dan juga membentangkannya untuk perbincangan dan tindakan awam.

Semenjak suku ketiga tahun 1997 sehingga tahun 2003, banyak tulisan mengenai dinar emas dan kritikan terhadap sistem riba Kapitalisme Barat telah disiarkan dalam dua akhbar terbesar tempatan iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Ada juga tulisan mengenainya yang disiarkan dalam majalah-majalah *Al-Islam* dan *Massa*.

Tulisan-tulisan itu bukan sahaja hasil sumbangan mereka di kalangan Murabitun tetapi juga oleh mereka di luar lingkungan Murabitun terutamanya daripada menara gading yang memeriksa semula Kapitalisme Barat dan sistem perbankan dan kewangan semasa berikutan krisis kewangan Asia Timur yang melanda dan menyatakan sokongan mereka kepada dinar emas dan dirham perak sebagai matawang pilihan.

Ahli-ahli Murabitun turut mengambil kesempatan untuk merapatkan hubungan dan membentangkan pandangan mereka kepada Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui buku-buku, kertas kerja, dan syiling-syiling dinar emas yang dihadiahkan kepadanya. Satu dokumen penting yang diserahkan kepada Dr. Mahathir untuk kajiannya ialah *Kertas Putih Mengenai Ekonomi Emas* oleh Umar Ibrahim Vadillo.

Apabila Dr. Mahathir menganjurkan supaya dinar emas digunakan sebagai matawang pilihan untuk perdagangan antarabangsa dan juga sebagai simpanan negara, terutamanya dengan negara-negara Islam dan juga dengan negara-negara yang mempunyai perjanjian pembayaran dua hala¹⁴ [Bilateral Payment Arrangements (BPA)] dengan Malaysia, ramai yang terkejut tetapi untuk para penggiat dinar, ia masa-masa yang sungguh menerujakan.

Cadangan Dr. Mahathir untuk menggunakan dinar emas sebagai matawang pilihan menandakan saat kesedaran yang amat bermakna tetapi ia masih belum diterima oleh orang ramai terutamanya para pengamal sistem perbankan dan kewangan semasa.

Selepas perbincangan umum mengenai dinar emas oleh Dr. Mahathir, edisi baru *The Return of the Gold Dinar*¹⁵ diterbitkan di mana Umar Ibrahim Vadillo memperkenalkan Kerangka Ekonomi Emas¹⁶ yang terdiri daripada tiga mekanisme utama iaitu sistem pembayaran (dinar emas dan dirham perak); pasar (pasar terbuka/Islam) dan pelaburan (Qirad).

¹³ Shaikh Imran N. Hosein, *The Importance of the Prohibition of Riba in Islam*, 1996, Ummavision Resources, Malaysia.

¹⁴ Standardise practides in Islamic Banking, Dr. Mahathir Mohamad, 26 Jun 2001, NST, Simposium Al-Barakah ke-20.

¹⁵ Umar Ibrahim Vadillo, *The Return of the Gold Dinar*, edisi baru 2002, Madinah Press, Kuala Lumpur.

¹⁶ Umar Ibrahim Vadillo, *The Return of the Gold Dinar*, edisi baru, 2002 Madinah Press, MS 96, 108, 115.

Walaupun dalam waktu itu dinar emas berada dalam edaran secara persendirian, ramai yang masih belum melihat bentuk fizikalnya, bagaimanapun, Dr. Mahathir telah melihat dan merasai sendiri syiling dinar emas beberapa kali tetapi dinar emas yang dicadangkan oleh kerajaan Malaysia bukanlah mengikut piawaian Umar al-Khattab seperti yang digunapakai WITO.

Menteri Kewangan II ketika itu, Tan Sri Nor Mohamed Yaacob dalam ucaptamanya dalam satu persidangan mengenai dinar emas mencadangkan berat satu dinar emas bersamaan satu auns emas¹⁷ sebagai satu unit kira-kira untuk penyelesaian perdagangan di bawah BPA Malaysia dengan lain-lain negara Islam.

Nor Mohamed Yaacob mengulangi cadangan itu sekali lagi ketika berucap pada satu lagi persidangan mengenai dinar emas¹⁸ tetapi semasa waktu soal jawab, beberapa orang yang hadir mempertikaikan berat dinar emas yang dicadangkan oleh kerajaan dan memperingatkan bahawa berat dinar emas sudahpun diketahui umum dan sudah lama digunapakai.

Syor Dr. Mahathir untuk menggunakan dinar emas mendapat sambutan daripada Iran yang mencadangkan penubuhan sebuah urusetia untuk menyediakan maklumat mengenai konsep yang dianjurkan¹⁹, bagaimanapun, tiada negara lain yang pemimpinnya Islam secara terbuka menyatakan sokongan kepada cadangan penggunaan dinar emas itu.

Dengan sokongan Iran di samping banyak rencana wartawan dan penganalisis ekonomi dan kewangan Barat terutamanya yang disiarkan di dalam internet dan media perdana, dinar emas menjadi satu isu antarabangsa. Masyarakat dunia samada yang Islam dan yang bukan Islam tertunggu-tunggu pelaksanaannya. Untuk orang bukan Islam, sesetengah daripada mereka melihat dinar emas sebagai ancaman dan berkira-kira bagaimanakah ia akan menghakis kekayaan dan pengaruh Barat serta kekuasaannya ke atas ekonomi semasa sementara yang lain pula melihatnya sebagai alat yang akan membebaskan mereka daripada sistem perbankan dan kewangan semasa serta institusi-institusi lain yang berkaitan dengannya yang sehingga kini digunakan oleh kuasa-kuasa besar sebagai alat penindasan.

Pada tahun 2001, Shaykh Abdalqadir as-Sufi dianugerahkan ijazah kehormat doktor persuratan oleh Universiti Sains Malaysia.²⁰ Semasa berada di Kuala Lumpur sebelum menerima anugerah tersebut, beliau bertemu dengan Dr. Mahathir di Pejabat Perdana Menteri. Selepas pertemuan tersebut, pergerakan dinar emas nampaknya akan bertapak apabila Dr. Mahathir menyambut baik saranan Shaykh Abdalqadir as-Sufi dengan mencadangkan satu seminar mengenai dinar emas.

Selepas tempoh ini, kian ramai yang menyakini dinar emas termasuklah kalangan daripada kelompok perbankan dan kewangan. Ahli-ahli akademik juga turut mengambil perhatian manakala Bank Negara juga menghantar wakil-wakilnya untuk mengikuti seminar-seminar dan persidangan-persidangan yang diadakan untuk membincangkan peranan dinar emas. Ia tampak sebagai sebuah projek Malaysia.

Universiti-universiti tempatan turut mengatur langkah dan mulai menaruh minat dalam dinar emas lalu mula menugaskan para mahasiswa mereka, terutamanya daripada pengajian Islam, perniagaan dan pengurusan menulis tesis akan kemungkinan dan keupayaan penggunaan dinar emas dalam senario kewangan dan ekonomi semasa.

Walaubagaimanapun, apabila Dr. Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri, penggantinya, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi tidak menunjukkan sebarang minat terhadap dinar emas dan semua usaha yang dibangunkan oleh Dr. Mahathir terhenti dan ia menjadi jelas bahawa ia bukanlah sebuah projek Malaysia tetapi projek Mahathir.

¹⁷ Conference on Stable and Just Global Monetary System: The Viability of The Islamic Dinar di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

¹⁸ Dialog on the Gold Dinar anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia di IKIM, 29hb. April 2002

¹⁹ Dr. M: Secretariat for gold dinar a good idea, 24 Oktober 2002, New Straits Times.

²⁰ Tokoh pendakwah terima ijazah kehormat dari USM, 4 Ogos 2001, Utusan Malaysia.

Semarak Indonesia

Krisis kewangan Asia Timur 1997 memberi kesan yang mendalam kepada Indonesia. Kerajaan negara itu terpaksa meminjam wang daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) apabila matawang negara itu – rupiah – susut nilai lalu menyebabkan negara itu kehilangan kekayaannya sekelip mata.

Keadaan itu membuat beberapa orang warganya menjadi sedar akan tipu daya sistem ekonomi dan kewangan semasa. Sekumpulan mereka telah berpeluang membaca sebuah buku bertajuk *Dajjal The King Who Has No Cloths*²¹ (Dajjal Raja Yang Tidak Berpakaian) dan apabila krisis kewangan melanda Indonesia, mereka merasakan bahawa seluruh Indonesia harus membaca buku tersebut untuk mengetahui apakah perkara sebenar yang berlaku.

Mereka kemudian menghubungi pengarangnya Haji Ahmad Thompson, seorang murid Shaykh Dr. Abdalqadir as-Sufi, untuk meminta izin menterjemahkan buku itu ke dalam Bahasa Indonesia. Beliau kemudian memaklumkan kepada mereka mengenai sekumpulan orang di Malaysia yang secara aktif ingin menegakkan muamalat Islam.²²

Dua orang wakil kumpulan tersebut datang ke Kuala Lumpur dan bertemu dengan ahli-ahli Murabitun di Kuala Lumpur dan bertaulan dengan mereka lebih seminggu pada tahun 1998.

Pada September tahun itu, mereka menerbitkan Sistem Dajjal²³ terjemahan buku Ahmad Thompson dan turut menubuhkan Islamic Mint Nusantara yang menempa dinar emas dan dirham perak menurut rekacipta dan piawaian yang digunapakai oleh WITO. Penempa mereka, Logam Mulia, sebelum itu telah pun menempa koin haji Indonesia – syiling emas yang berbeza beratnya – untuk digunakan oleh orang Indonesia bagi menabung untuk membolehkan mereka mengerjakan ibadat haji ketika matawang rupiah mengalami susut nilai.

Berikutan itu, pergerakan dinar emas di Indonesia mulai bertapak dengan penubuhan pelbagai institusi mempromosi dinar emas dan dirham perak seperti Yayasan Dinar Dirham Aceh dan sebuah forum yang dianggotai sepuluh pertubuhan bukan kerajaan, dinamakan Forum Penggerak Dinar Dirham Indonesia (Forindo) yang ditubuhkan pada 24 Januari 2003 hasil seminar yang dianjurkan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) di Pontianak, Kalimantan Barat.²⁴

Pada masa itu, salah satu pertubuhan yang paling berjaya di Indonesia dalam mempromosi, menukar dan menerima semula dinar emas ialah Wakala Adina (sebuah pertubuhan ahli Forindo) yang mempunyai 17 wakala (agen) dan melegarkan kira-kira 1,500 syiling dinar emas setiap bulan. Pada masa itu, pecahan yang ditempa ialah 1 dinar emas, 2 dinar emas, ½ dan ¼ dinar emas.²⁵

PENDIRIAN PAS

Di antara kedua-dua parti politik Melayu, ahli-ahli Partai Islam Se-Malaysia (PAS) telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap dinar emas dan dirham perak serta menyokongnya berbanding dengan ahli-ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) walaupun presiden parti yang memerintah ketika itu ialah Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Diterajui oleh sayap Pemudanya, ia secara terbuka menyatakan sokongannya terhadap dinar emas pada perhimpunan agung tahunannya yang diadakan di Kuala Krai, Kelantan pada 3 Mei 1998. Pada perhimpunan itu, syiling-syiling dinar emas yang bernilai RM8,000.00 ketika itu berjaya dijual. Ia juga memperkenalkan dinar emas kepada rakyat Kelantan pada satu himpunan awam kemudiannya pada hari yang sama.²⁶

²¹ Ahmad Thompson, *Dajjal The King who has no clothes*, 1986, Ta Ha Publishers Ltd. London.

²² Achmad Iwan Adjie, bekas Amir Murabitun Nusantara.

²³ 1998, Semesta Hadi Racana CV, Bandung, Indonesia

²⁴ Laporan Forindo 2003.

²⁵ An update from Indonesia On the Implementation of Gold Dinar Economy, Murabitun – newsletter and directory XXXV11/2008.

²⁶ Harakah 4 Mei, 1998.

Iltizam itu kemudiannya diperkukuhkan apabila pada 20 September 2006, Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat melancarkan Dinar Emas Kelantan (DEK), iaitu dinar emas kerajaan negeri Kelantan. Walaupun syiling dinar emas itu mempunyai rekabentuknya sendiri, tetapi berat dan ketulinannya ialah mengikut Piawaian Umar al-Khattab seperti yang digunapakai WITO.

DEK kini dipasarkan oleh Pertubuhan Permodalan Kelantan Berhad (PKB) melalui rangkaian kedai pajak gadai Ar-Rahnu untuk membolehkan orang ramai membeli dan menjual syiling-syiling emas itu yang dipromosikan sebagai simpanan, mahar atau mas kahwin, sebagai hadiah dan juga sebagai perantara untuk membayar zakat.

Pada tahun 2007, PKB dan Marslio International telah bersama-sama menganjurkan satu seminar antarabangsa mengenai dinar emas dan di sinilah, salah seorang pembentang kertas kerja, Dr. Aziuddin Ahmad²⁷ memperkenalkan dan mempopularkan istilah dinaris kepada ramai penggiat dinar yang hadir.²⁸

Penempatan Dinar Emas Di Malaysia

Penempatan dinar emas dianggap penting dan perlu kerana hanya dengan cara itulah dinar emas boleh berada di dalam tangan rakyat, lebih-lebih lagi dengan merasai dinar emas dalam bentuk fizikalnya akan memecahkan halangan psikologi yang tertanam di dalam minda dan perasaan orang ramai bahawa emas dan perak tidak boleh menggantikan wang kertas.

Ramai yang terkejut apabila mereka melihat dan merasai dinar emas dalam tangan mereka. Hilangnya sangkaan-sangkaan bahawa syiling emas itu berat dan susah untuk di bawa ke sana ke mari apabila mereka sedar bahawa syiling-syiling emas itu nipis dan ringan. Kilauan emas itu benar nilainya juga benar. Mereka serta-merta melihat wang dalam pandangan yang berbeza.

Permulaan usaha menempa dinar emas di Malaysia bermula dengan pelancaran e-dinar Ltd. di Malaysia pada tahun 2000 oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di Muzium Kebudayaan Islam, tuan rumah kepada Persidangan Antarabangsa Politik-Ekonomi Islam ke-4 yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia dengan beberapa pertubuhan lain.

e-dinar ialah sebuah sistem pembayaran dan penukaran elektronik yang memudahkan urusan-urusan perniagaan dan perdagangan menggunakan dinar emas. Setiap unit elektronik e-dinar bersamaan 4.25 gram emas 24k (www.e-dinar.com).

Pada tahun 2002, wazirat World Islamic Trade Organsiation (WITO) Malaysia memulakan penempatan pertama dinar emas di Malaysia daripada lima kilogram emas menurut piawaian Umar al-Khattab yang dianjurkan oleh WIM dan digunapakai oleh WITO. Penempatannya dilaksanakan oleh Islamic Mint Sdn. Bhd.

Pada 28 Julai 2003, The Royal Mint of Malaysia mengeluarkan dinar emas Malaysia yang pertama untuk kegunaan orang ramai dan turut menggunakan syiling emas itu untuk membayar sebahagian daripada gaji para pekerja bagi bulan Julai. Syiling-syiling emas itu dikeluarkan dalam bentuk ¼ dinar dan 1 dinar²⁹ menurut piawaian yang digunapakai oleh WITO.

Pada tahun 2003, Dinar Dirham International turut menempa dinar emas daripada satu kilogram emas menurut piawaian yang digunapakai oleh WITO. Syarikat itu juga mempromosi dinar emas ketika Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang diadakan di Kuala Lumpur pada 24 hingga 25 Oktober tahun itu di mana ketika itu, Malaysia ialah pengerusinya.

IGD Practise Sdn. Bhd. yang mengendalikan igdexchange.com turut menempa dinar emas. Orang ramai boleh membeli dan menjual dinar emas secara fizikal atas talian melalui laman webnya

²⁷ Fellow Yayasan al-Bukhary

²⁸ The International Gold Dinar Economy : A Blueprint for The Ummah pada 24 dan 25 Julai 2007 anjuran bersama Permodalan Kelantan Berhad dan Marslio International di PWTC, Kuala Lumpur.

²⁹ Royal Mint rolls out first batch of gold dinar, 29 Julai 2003. New Straits Times.

mulai tahun 2004. Syiling-syiling emas itu ditempa mengikut piawaian yang digunapakai oleh WITO (www.igdexchange.com).

IGD Practice turut mempunyai satu skim pelaburan yang dinamakan Islamic Hybrid Instrument (IHI) yang menggunakan dinar emas sebagai alat pelaburan. Penyertaan orang ramai dalam IHI dipanggil qirad, walaubagaimanapun qirad yang diamalkan itu bertentangan dengan amalan qirad yang diamalkan dalam muamalat Islam seperti yang dianjurkan oleh syariah.

Pada tahun 2006, Swarnabhumi International Sdn. Bhd. turut menjual dan membeli syiling dinar emas atas talian melalui laman webnya dan mempromosikannya di kalangan koperasi-koperasi tempatan yang diundang menjadi wakalanya tetapi usaha itu tidak dapat disempurnakan. Syarikat itu bagaimanapun berjaya menempa dinar emas mengikut piawaian yang digunapakai oleh WITO, Selepas beberapa bulan, laman webnya dihentikan (www.swarnabhumi.com).

Pada masa ini, orang ramai boleh membeli dinar emas daripada Public Gold (www.publicgold.com.my), sebuah syarikat perniagaan emas beribupejabat di Pulau Pinang. Syiling-syiling emas itu berbeza rekabentuknya daripada syiling WITO tetapi mengikut berat dan ketulinan yang sama. Public Gold bercadang untuk menempa dinar emas mengikut rekabentuk dan piawaian yang digunapakai oleh WITO dan berharap untuk membincangkan perkara itu tidak lama lagi.³⁰

Pembayaran Zakat

Tujuan terpenting pengeluaran dinar emas dan dirham perak ialah untuk membolehkan orang Islam membayar zakat dengan betul, walaupun begitu, sehingga kini tidak ada pusat pugutan zakat atau lembaga zakat negeri yang menerima zakat dalam emas atau perak kecuali dalam pembayaran zakat barangan kemas. Walaupun begitu rata-rata kesemua institusi kutipan zakat di Malaysia lebih selesa menerima bayaran zakat dalam wang kertas Ringgit Malaysia.

Walaubagaimanapun, terdapat percubaan oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) untuk menerima pembayaran zakat dalam dinar emas berikutan satu seminar yang dianjurkannya dengan kerjasama igdexchange.com pada 5 Julai 2004 bertajuk *Generating Wealth in Accordance with Islamic Paradigm : Promulgating the Application of Dinar in the Modern Economy* (Penjanaan Kekayaan Sesuai Dengan Pradigma Islam : Menyebarkan Penggunaan Dinar Dalam Ekonomi Moden) di Hotel Summit, Subang Jaya, Selangor tetapi ia tidak dapat disempurnakan berikutan beberapa hal teknikal yang tidak dapat diatasi oleh kedua-dua belah pihak.

Kumpulan Penyelidik

Dua kumpulan penyelidik yang terawal ialah Gold Dinar Research Group (GDRG) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan Dinar Dirham Research Group (DDRG), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Kedua-dua kumpulan penyelidikan itu tidak sahaja menghadiri, menyertai, menyemai dan mempromosi dinar emas di Malaysia tetapi turut diundang membentangkan kertas kerja mengenainya di negara jiran, Indonesia iaitu di Jakarta, Bandung, Aceh dan Riau dan juga di beberapa tempat di Thailand.

Satu kumpulan penyelidikan turut di tubuhkan oleh Universiti Multimedia Malaysia (MMU) di Melaka, bagaimanapun, kumpulan itu menjalankan penyelidikan atas dasar dinar emas sepatutnya mempunyai ketulinan 9.999.

Universiti Islam Antarabangsa Malayasia (IIUM) juga aktif dalam mempromisikan penggunaan dinar emas dan merupakan penganjur bagi dua persidangan antarabangsa dinar emas pada tahun 2002 dan menyertai lain-lain persidangan dan seminar berkaitan dinar emas.

³⁰ Louis Ng, Pengerusi Eksekutif Public Fine Gold International Sdn. Bhd.

Gold Dinar Research Group Universiti Kebangsaan Malaysia (GDRG-UKM) juga sedang melihat bagaimana menjana kekayaan melalui transaksi dinar emas antara Malaysia dengan lain-lain negara Islam mengambil kira kerangka sistem kewangan masa kini.

Koperasi Dinar Emas

Melalui usaha-usaha GDRG-USM dalam mempromosi dinar emas, sekumpulan kakitangan Universiti Sains Malaysia bersama-sama ahli-ahli perniagaan, kakitangan kerajaan dan pesara telah menubuhkan satu koperasi yang dinamakan Koperasi DinarMas Nakhoda Nan Intan Pulau Pinang Berhad atau KoDinarMas pada 16 November 2006. Ia ditubuhkan untuk mendidik ahli-ahlinya mengenai dinar emas dan ekonomi sebenar. Pada masa ini ia mengumpul dana melalui simpanan dinar emas dan juga terlibat dalam mendidik orang awam mengenai ekonomi dinar emas. Koperasi itu turut mempunyai lain-lain perniagaan seperti perumahan, pembinaan dan projek pembangunan dalam pengurusan buangan ekologi dan projek pertanian. Menjadi polisi koperasi itu untuk tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bersifat spekulatif seperti memegang saham, bon dan lain-lain.³¹

Persidangan, Seminar, Bengkel

Seminar kebangsaan pertama dinar emas telah dianjurkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) bertajuk *Gold Dinar : Towards Strengthening Economy of the Ummah* (Dinar Emas: Ke Arah Memperkukuhkan Ekonomi Ummah) di Hotek Nikko Kuala Lumpur pada 17 Mac 2002.

Selepas itu, banyak persidangan dan seminar kebangsaan dan antarabangsa termasuk bengkel-bengkel dianjurkan oleh pelbagai pihak yang berminat, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, mendidik usahawan yang berminat untuk mendalami ekonomi emas dan juga untuk mencari penyelesaian bagi mengintegrasikan matawang dwi-logam itu ke dalam sistem perbankan dan kewangan semasa. Satu senarai persidangan, seminar dan bengkel dilampirkan (Lampiran 1).

Kesimpulan

1. Pergerakan dinar emas di Malaysia bermula dengan kefahaman bahawa matawang dwi-logam emas dan perak ialah matawang syariah dan penting dalam mendirikan smula tiang zakat yang runtuh di samping boleh menangani masalah riba dan amalan riba yang berleluasa dalam sistem kewangan dan ekonomi masa kini serta mengembalikan kekayaan sebenar kepada rakyat.
2. Pergerakan dinar emas di Malaysia menjadi satu agenda antarabangsa berikutan penglibatan bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mencadangkannya menjadi matawang pilihan untuk perdagangan antarabangsa dan sebagai matawang simpanan negara.
3. Dinar emas dan dirham perak menuntut muamalat berasaskan syariah dan tidak berhenti setakat mematuhi prinsip syariah seperti yang sedang diamalkan oleh sektor kewangan dan perbankan Islam semasa.
4. Pergerakan dinar emas di Malaysia telah berjaya mendedahkan riba dan amalan riba yang terkandung dalam sistem ekonomi, perbankan dan kewangan semasa termasuk institusi-institusi antarabangsa yang berkaitan dengannya di samping berjaya mendidik masyarakat dunia mengenai sifat sebenar wang kertas dan ketidakadilan yang berleluasa akibat riba sistem Kapitalisme Barat yang bergandingan dengan demokrasi liberal.

³¹ Profesor Madya, Dr. Mahamd Hakimi Ibrahim, kordinator GDRG USM, Pulau Pinang

5. Gerakan dinar emas berjaya menunjukkan bahawa dinar emas dan dirham perak ialah matawang yang lebih stabil dan lebih adil berbanding matawang-matawang kertas dan berjaya membuktikan bahawa penggunaan dinar emas dan dirham perak bukanlah langkah ke belakang ke Zaman Pertengahan.
6. Ada keperluan mendesak untuk para ulamak masa kini dan akan datang untuk dilatih dalam hal-hal yang berkaitan dengan muamalat Islam dan untuk mereka memahami bahawa amalan dalam muamalat Islam amat berbeza jika dibandingkan dengan amalan ekonomi masa kini dan juga untuk memahami apakah amalan-anmalan yang bersifat riba yang terkandung dalam sistem ekonomi, perbankan dan kewangan konvensional dan Islam masa kini.
7. Terdapat keperluan untuk mengajar muamalat kepada generasi ulamak yang akan datang supaya mereka tahu membezakan dan menghakimi apa yang haram dan halal mengikut syariah terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan muamalat.
8. Gerakan dinar emas akan kekal sebagai satu usaha persendirian sehinggalah kerajaan yang dipimpin oleh orang Islam menyedari bahawa kerangka ekonomi dinar emas mengikut Islam mempunyai arenanya sendiri untuk maju dan makmur.
9. Dalam soal pembayaran zakat, baitulmal-baitulmal negeri hendaklah mengambil tanggungjawab dan membuat perubahan-perubahan yang perlu supaya zakat boleh diambil seperti yang sepatutnya.
10. Perubahan paradigma yang mendesak diperlukan di kalangan para pemimpin orang Islam terutamanya dalam meminda undang-undang perniagaan dan perdagangan negara supaya ekonomi dinar emas boleh diamalkan oleh orang Islam seperti yang dianjurkan oleh syariah sekaligus membolehkan orang Islam patuh kepada perintah Allah dan menyucikan diri masing-masing dari bersubahat dan menjadi mangsa riba.

Lampiran 1

Pameran/Bengkel/Seminar/Persidangan Dinar Emas di Malaysia

23 – 24 November 1998:

Pameran Dinar Dirham dan Dinamika Wakaf sempena Persidangan Antarabangsa ke-3 Politik-Ekonomi Islam ISNET-USM : Hubungan Pekerja Dalam Segitiga Pertumbuhan IMT-GT di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

15 – 18 November 2000:

Pameran Dinar Dirham di Bengkel Perniagaan Islam anjuran Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang sempena Persidangan Antarabangsa ke-4 Politik-Ekonomi Islam : Kerjasama Islam Asia-Eropah di Muzium Kebudayaan Islam Kuala Lumpur anjuran bersama Muzium Kebudayaan Islam, ISNET-USM dan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) USM.

19 Ogos 2001:

Dinar Emas : Pengenalan kepada Matawang Islam, Pulau Pinang anjuran UMNO Permatang Pauh, Pulau Pinang.

17 Mac 2002:

Seminar Kebangsaan Dinar Emas : Ke Arah Memperkukuhkan Ekonomi Ummah, Kuala Lumpur, anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

29 April 2002:

Dialog Mengenai Dinar Emas di IKIM Kuala Lumpur anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia.

18 Jun 2002:

Seminar Dinar Dirham dan Ekonomi Islam di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

25 – 26 Jun 2002:

Dinar Emas Islam : Ke Arah Penyatuan Ekonomi Masyarakat Islam di IKIM, Kuala Lumpur anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia.

4 Julai 2002:

Dinar Emas : Isu dan Prospek, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kutipan Zakat Wilayah Persekutuan.

30 Julai 2002:

Bengkel Dinar Emas, Bangi, anjuran Gabungan Koperasi Universiti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor.

19 Ogos 2002:

Persidangan Sistem Kewangan Yang Stabil dan Adil : Kebolehpayaan Dinar Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

7 Oktober 2002:

Seminar Dinar Emas dan Dirham Perak Islam anjuran bersama Pertubuhan Perdagangan Islam Sedunia (WITO Malaysia) dan Amirat Murabitun Afrika Selatan di Pusat Persidangan Belmont Square, Cape Town.

22 – 23 Oktober 2002:

Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala. Kuala Lumpur anjuran bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

1 Julai 2003:

Persidangan Antarabangsa Penggunaan Dinar Emas Sebagai Alternatif Kepada Matawang Antarabangsa, Kuala Lumpur, anjuran Dewan Perniagaan Islam Malaysia.

28 Julai 2003:

Royal Mint mengeluarkan dinar emas Malaysia pertama.

24 September 2003:

Pameran Dinar Emas dan Dirham Perak di Perpustakaan Sultanah Zanariah di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor anjuran Dinar Dirham Research Group, UTM.

5 Julai 2004:

Penjanaan Kekayaan Menurut Paradigma Islam : Menyebarkan Penggunaan Dinar di Dalam Ekonomi Moden anjuran Pusat Zakat Selangor dengan kerjasama igdexchange di Hotel Summit, Subang Jaya, Selangor.

4 Oktober 2004:

Seminar Dinar Emas Peringkat Negeri Melaka 2004, MITC Melaka, oleh Majlis Agama Islam Melaka dan Pusat Zakat Melaka.

20 September 2006:

Seminar Emas Dinar Kelantan, Kota Bharu, oleh Permodalan Kelantan Berhad.

20 September 2006:

Pelancaran Emas Dinar Kelantan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat.

24 – 25 Julai 2007:

Persidangan Antarabangsa Ekonomi Dinar Emas: Kerangka Tindakan Untuk Ummah anjuran bersama Permodalan Kelantan Berhad dan Marslio International di Pusat Perdagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

24 – 25 Julai 2009:

Bengkel Dinar Emas 09 anjuran bersama oleh Dinar Research Group UKM, Fakulti Pengajian Islam, Kajian Perdagangan Lepas Siswazah, Institut Kajian Rantau Asia Barat dan Universiti Kebangsaan Malaysia di UKM Bangi, Selangor.

27 Ogos 2009:

Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar : Dinar Alternatif Kini dan Masa Depan anjuran bersama Dinar Research Group UKM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam (JPATI), Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Kumpulan Kebudayaan Arab & Peradaban Islam (Kukapi) dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di UKM, Bangi, Selangor.

*Nota : Ini ialah terjemahan kepada kertas kerja bertajuk *The Islamic Gold Dinar Movement in Malaysia yang telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar : Dinar Alternatif Kini dan Masa Depan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 27 Ogos 2009.**